

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

BERITA HARIAN, SABTU, 12 SEPTEMBER, 1981

Kompleks Dayabumi mesti siap dalam 30 bulan

KUALA LUMPUR, Jumaat — Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) diminta menyiapkan pembinaan projek raksaksa Kompleks Dayabumi dalam 30 bulan, lebih cepat dari jangkaannya pada 1986.

Sumber-sumber memberitahu hari ini, arahan tersebut dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam mesyuarat Majlis Tindakan Negara baru-baru ini.

Kompleks Dayabumi ialah projek pembangunan tunggal terbesar di negara ini dan terletak di kawasan 16.5 ekar dekat stesen keretapi di sini.

Keputusan mencegerakan pembinaan projek itu dibuat bagi mengelak kenaikan harga bahan-bahan binaan dan lain perbelanjaan akibat inflasi.

Difahamkan, anggaran kasar harga kompleks tersebut kini meningkat hampir dua kali ganda kepada \$370 juta dari kos asalnya \$200 juta.

Beberapa perubahan sesuai akan dibuat kepada pelan asal kompleks untuk mencerminkan identiti Malaysia.

Bangunan menara kompleks asalnya ditetapkan 60 tingkat tetapi dikurangkan kepada 30 tingkat. Ia akan mempunyai blok podium sembilan tingkat untuk menempatkan cadangan pusat barangan, pawagam dan firma-firma.

Kerja-kerja sedang giat dijalankan untuk membina sebuah blok sembilan tingkat Ibu pejabat Besar Pos.